

**MALAYSIA**

**DR. 7 TAHUN 2021  
DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK  
23 SEPTEMBER 2021**

**PENYATA  
JAWATANKUASA DEWAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**Dikemukakan oleh :**

**YANG BERHORMAT  
DATUK AZHAR AZIZAN HARUN  
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**



Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin  
Setiausaha Dewan Rakyat – sebagai Setiausaha di bawah  
Peraturan Mesyuarat 83(8)

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing  
Ahli Parlimen Bintulu

**TURUT HADIR**

Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar  
Ahli Parlimen Santubong merangkap  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

**Parlimen Malaysia**

Puan Nor Yahati binti Awang  
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Ir. Tuan Azmi bin Abdul Hamid  
Ketua Jurutera

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

YBhg. Datuk Dr. Murugesu A/L Raju  
Ketua Klinik Parlimen

Puan Rohana binti Mohd Ali  
Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat

Puan Sharifah Rahamah binti Syed Muhammad  
Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan  
Inovasi

Puan Munirah binti Muhamed Padzil  
Penasihat Undang-Undang I

Puan Jackie Mary Fernandis  
Penasihat Undang-Undang II

### **URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi  
Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Aidahanie binti Baharuddin  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

Puan Nurul Nadiha binti Zamani  
Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat

## **MINIT MESYUARAT**

### **1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATUK PENERUSI**

- 1.1 Yang Berhormat Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Mesyuarat Jawatankuasa Dewan bagi Dewan Rakyat Bilangan 2 Tahun 2021.
- 1.2 Yang Berhormat Datuk Pengerusi memaklumkan Ahli-ahli Jawatankuasa bahawa tujuan mesyuarat antara lain adalah untuk membincangkan mengenai persediaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas bagi Dewan Rakyat yang berlangsung mulai 13 September 2021 hingga 12 Oktober 2021 dengan mengambil kira langkah-langkah mencegah penularan COVID-19 di Parlimen.

## 2.0 PERBINCANGAN

2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Ahli-ahli Parlimen telah menjalani ujian RT PCR pada Jumaat, 10 September 2021 dan seterusnya perlu menjalani ujian RTK Ag Saliva secara berkala sepanjang tempoh mesyuarat pertama iaitu pada hari dan tarikh seperti berikut:

Bil	Hari	Tarikh
1	Rabu	15 September 2021
2	Isnin	20 September 2021
3	Rabu	22 September 2021
4	Isnin	27 September 2021
5	Rabu	29 September 2021
6	Isnin	4 Oktober 2021
7	Rabu	6 Oktober 2021
8	Isnin	11 Oktober 2021

2.2 Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa Ahli-ahli Parlimen perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Persidangan Parlimen.

2.3 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Carta Alir Pengurusan individu Memasuki Parlimen dalam menjalani ujian RTK Ag Saliva adalah seperti di **Lampiran**. Ini bagi memastikan segala urusan perjalanan ujian tersebut berjalan dengan lancar.

2.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pengurusan Parlimen Malaysia telah membuat penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti udara dalaman dan memasang sistem yang dapat membasmi virus COVID-19 di udara. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut;

- i. menukar penapis udara kepada jenis *High Efficiency Particulate Air* (HEPA) dan memasang sistem *Ultraviolet Germicidal*

*Irradiation* (UVGI) di semua *Air Handling Unit* (AHU) sistem penyaman udara berpusat (*centralized air conditioner*);

- ii. membekalkan peralatan mudah alih UVGI; dan
- iii. memasang *nano air generator* di ruangan yang menggunakan sistem penyaman udara jenis *Variable Refrigerant Flow* (VRF).

2.5 Mesyuarat mengambil maklum bahawa dengan mengambil kira langkah-langkah yang telah diambil di perenggan 2.4 di atas maka, pintu Dewan Rakyat tidak perlu dibuka semasa persidangan dewan.

### 3.0 SYOR JAWATANKUASA


- 3.1 Mesyuarat bersetuju bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat perlu menjalani ujian RTK-Ag Saliva secara berkala sepanjang tempoh persidangan Mesyuarat Pertama ini.
- 3.2 Mesyuarat bersetuju bahawa carta alir mengenai tatacara pengurusan individu yang memasuki Kompleks Parlimen Malaysia bagi ujian RTK-Ag Saliva adalah seperti di **Lampiran**.
- 3.3 Mesyuarat bersetuju Ahli-ahli Yang Berhormat yang berstatus *Home Surveillance Order* (HSO) disebabkan oleh kontak rapat diberi pilihan untuk hadir sesi undian dengan memakai pakaian Alat Perlindungan Diri (PPE).
- 3.4 Mesyuarat bersetuju untuk mengesyorkan agar sistem penggiliran dalam Dewan Rakyat dilakukan setiap satu jam oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai satu langkah berjaga-jaga dalam mengekang penularan COVID-19.

#### 4.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Yang Berhormat Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.43 petang.

Bertarikh: 22 September 2021




.....  
**YANG BERHORMAT DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT/**

**PENGERUSI JAWATAN KUASA DEWAN**

## Carta Alir Pengurusan Individu Memasuki Parlimen (Ujian RTK Ag Saliva)



•

•

•

•